



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 1 OGOS 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AMBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESTA MALAYSIA 2024 PROMOSI PRODUK TEMPATAN, KORPORAT, SH -29	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	JAWATANKUASA KHAS BAKAL DIBENTUK BANTU PESAWAH TERJEJAS KEMARAU, BH -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3.	JAWATANKUASA KHAS BANTU 10,000 PESAWAH TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -12	
4.	LPP SARAN BENTUK JAWATANKUASA KHAS BANTU PESAWAH, NASIONAL, SH -18	
5.	TAKUNGAN AIR CUKUP UNTUK KEGUNAAN DOMESTIK, PERTANIAN DAN INDUSTRI, BH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	KEMARAU: LEBIH 1,000 PESAWAH DI PERLIS BERDEPAN KERUGIAN RM9.8j, DALAM NEGERI, UM -12	
7.	CUACA PANAS: SARA DIRI BERAS TURUN KEPADA 50%, DALAM NEGERI, UM 1 & 3	
8.	CUACA PANAS SUKARKAN MUSIM BAHARU TANAM PADI, NASIONAL, BH -18	
9.	29,421 HEKTAR TERKESAN BAHANG DI PERAK, LOKAL, HM -11	
10.	KADAR TIGA EMPANGAN SELIAAN MADA SUSUT, LOKAL, HM -11	
11.	PARAS AIR SUNGAI KETIL TERKINI 0.3 METER, LOKAL, HM -11	
12.	OPERASI PEMBENIHAN AWAN BANTU TINGKATKAN TAKUNGAN EMPANGAN, NASIONAL, SH -18	
13.	KELANTAN HILANG 94,250 TAN METRIK HASIL PADI, DALAM NEGERI, UM -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
14.	PAHANG PANTAU AKTIVITI PERTANIAN TAUKE WARGA ASING, KUANTAN, SH -26	LAIN-LAIN
15.	KDNK SEKTOR PERTANIAN MENINGKAT 7.4 PERATUS, TIMUR, HARAKAH -H17	
16.	SUNGAI TEMBELING CETEK ANGKARA KEMARAU, NEGARA, KOSMO -15	
17.	TANAM SAYUR, BUAH-BUAHAN DI KAWASAN TERBIAR SEKOLAH, NEGARA, KOSMO -16	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Program capai objektif apabila berjaya popularkan Malaysia

Oleh **IZWAN ROZLIN**
SHAH ALAM

Pesta Malaysia 2024

promosi produk tempatan

Pesta Malaysia 2024 anjuran Kedutaan Besar Malaysia di The Hague yang berlangsung di Westfield Mall of the Netherlands pada 27 dan 28 Julai lalu berjaya mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung.

Penganjuran kali pertama yang diadakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia (KPKM), Tourism Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) itu bertujuan memperkenalkan kepada warga Belanda kepelbagaian budaya Malaysia, produk makanan, pelancongan, serta inisiatif Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) Go Global 2024.

Pejabat Perwakilan Pertanian (PPP) dalam kenyataan berkata, objektif utama Pesta Malaysia 2024 adalah untuk meningkatkan profil Malaysia di bumi Belanda, mempromosikan pelbagai produk dan memperkatakan lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin antara kedua-dua negara.

"Pengunjung pameran menikmati masakan Malaysia dengan gerai-gerai yang menawarkan hidangan ikonik seperti nasi lemak, sate, teh tarik, roti jala,



Tetamu kehormat yang hadir pada majlis perasmian Pesta Malaysia 2024 di Leidschendam, Belanda.



Nims antara produk tempatan yang diperkenalkan menerusi Pesta Malaysia 2024 di Leidschendam, Belanda.

karipap dan kuih-muih tradisional Malaysia. "Malah mereka juga berpeluang membeli buah-buahan seperti durian musang king, rambutan, nangka madu, buah naga, markisah dan belimbing di gerai KPKM," kata kenyataan itu.

Pesta Malaysia 2024 dirasmikan oleh Duta Besar Malaysia ke Belanda, Roseli Abdul yang turut dihadiri diplomat dari ke-

dutaan negara-negara ASEAN. Selain itu, gerai Syarikat Aqina Holdings Sdn Bhd, KULIM (Malaysia) Berhad, 3BUMI Trading Sdn Bhd dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyediakan sampel nanas segar MD2 serta produk-produk makanan.

"Gerai Tourism Malaysia turut menyediakan maklumat menyeluruh tentang

destinasi pelancongan menarik di Malaysia dengan kerjasama TUI Netherlands, sebuah syarikat pelancongan terkenal Belanda.

Pesta Malaysia 2024 berjaya mencapai objektifnya dengan meningkatkan profil Malaysia dan meningkatkan kesadaran serta pemahaman mereka tentang negara ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Jawatankuasa khas bakal dibentuk bantu pesawah terjejas kemarau



Timbalan Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia, Azhar Hashim, menunjukkan keadaan sawah padi yang kering di Parit Haji Ali, Alor Pongsu. - FOTO BERNAMA

BAGAN SERAI: Sebuah jawatankuasa khas akan dibentuk untuk mencari penyelesaian, sekali gus menangani masalah lebih 10,000 pesawah yang terjejas akibat cuaca panas di empat negeri membabitkan Perak, Kedah, Terengganu dan Kelantan.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar, berkata jawatankuasa itu akan membabitkan Jabatan Pertanian negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Segala laporan melalui jawatankuasa itu boleh diserahkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk tindakan lanjut bagi membantu pesawah yang terjejas.

"Sebagai contoh di Parlimen Bagan Serai saja, terdapat 2,162 pesawah terjejas membabitkan kira-kira RM7.5 juta kerugian akibat kemarau sejak hujung Jun lalu," katanya ketika ditemui pada sesi lawatan di Parit Haji Ali, Alor Pongsu, di sini, hari ini.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata cuaca panas serta kering yang dijangka melanda negara hingga September depan akan memberi kesan terhadap kawasan pertanian di Perak.

Beliau dipetik memaklumkan, kawasan jelapang padi di daerah Kerian, Perak Tengah dan Hilir Perak seluas 29,241 hektar ialah antara yang dikenal pasti terkesan akibat keadaan cuaca berkenaan.

Dalam pada itu, Mahfuz berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan KPKM bagi memastikan pesawah terbabit dapat dibantu melalui Tabung Bantuan Bencana Tanaman Padi dalam masa terdekat.

"Ini antara langkah jangka pendek yang kerajaan boleh laksanakan. Berkaitan perihal bantuan ini, saya akan bawa kepada pihak KPKM untuk memastikan ia membantu pesawah," katanya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Takungan air cukup untuk kegunaan domestik, pertanian dan industry



ALOR SETAR: Operasi Pembenihan Awan (OPA) bermula kelmarin berjaya mencatatkan penurunan hujan sebanyak dua milimeter (mm) di kawasan tadahan Empangan Muda semalam.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam kenyataan hari ini, berkata hasil penilaian dibuat mendapati terdapat

peningkatan isi padu aliran masuk Empangan Muda sebanyak 419.6 hektar kaki berbanding purata aliran masuk harian pada Julai 2024 lalu, iaitu 168.3 hektar kaki sebelum pelaksanaan OPA.

"Pada 30 Julai 2024 (semalam) Stesen Hujan di Empangan Muda merekodkan bacaan 2mm turunan hujan di dalam kawasan tadahan empangan hasil OPA.

"MADA masih menilai keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan OPA memandangkan ia masih diteruskan hari ini," katanya.

MADA bersama-sama agensi terbabit melakukan OPA selama tiga hari bermula kelmarin, bagi meningkatkan paras air di empangan sedia ada.

Pelaksanaannya adalah melalui penyelarasan antara Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Menurut kenyataan itu, sehingga hari ini status keseluruhan kedudukan semasa takungan air di empangan di bawah seliaan MADA bagi ketiga-tiga empangan adalah sebanyak 44.14 peratus iaitu kapasiti takungan Empangan Pedu adalah sebanyak 39.71 peratus, Empangan Muda 8.04 peratus dan Empangan Ahning sebanyak 81.76 peratus.

Sementara itu, MADA memaklumkan aktiviti menanam padi kini sudah mencapai 99.3 peratus di kawasan seluas 99,963.9 hektar.

"Pokok padi yang sudah berbunga kini mencapai keluasan 4,051 hektar dan padi yang mencapai peringkat masak sebanyak 0.10 peratus dengan keluasan 67.4 hektar, manakala aktiviti menuai sebanyak 0.1 peratus dengan keluasan 60.4 hektar.

"Sumber air utama pengairan padi bagi musim satu 2024 adalah daripada pelepasan empangan, berdasarkan kepada status kemajuan aktiviti penanaman padi sehingga hari ini dianggarkan baki keperluan bekalan pengairan adalah sebanyak 229,216 ekar kaki," katanya.

Kenyataan itu turut menjelaskan, pihak MADA sudah melepaskan air sebanyak 3,100 kaki padu sesaat dari Empangan Pedu bagi tujuan pengaliran, domestik dan industri.

Sehubungan itu, katanya jumlah keseluruhan takungan air masih mampu memenuhi permintaan, keperluan dan mencukupi bagi tujuan pengaliran tanaman padi domestik dan industri.

Kemarau: Lebih 1,000 pesawah di Perlis berdepan kerugian RM9.8j

Oleh MOHD HAFIZ ABD MUTALIB

KANGAR: Kira-kira 1,221 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan seluas 1,535.56 hektar di negeri ini berdepan kerugian malar-malar mencecah RM9.8 juta berikutan masalah kekurangan bekalan air ekoran cuaca panas dan kemarau ketika ini.

Statistik tersebut berikutan bilas empangan Timah Tasoh yang berfungsi sebagai takungan bekalan air untuk pertanian domestik dan pertanian terjesa memberikan bekalan untuk kawasan pertanian padi paras air menyalur sehingga paras 26.85 meter.

Bekalan air untuk tujuan pertanian tidak dapat dibekalkan kembali berikutan paras air melebihi 27.10. Antara kawasan yang paling



GERAKAN TERPAKA BERKURANG dan menyatu air secara bergilir-gilir untuk talus padi mereka di Kampung Semadang, Besar. Padi yang terjejas akibat kekurangan air.

paras 26.85 meter sekali gus menyebabkan bekalan air untuk pertanian terpaksa dihentikan. Selain itu, berikutan hujan yang tidak menentu, kawasan pertanian padi di negeri ini khususnya di hulu kawasan MADA yang paling terjejas akibat kekurangan air.

Pada masa ini tidak menghadapi masalah," katanya kepada Utusan Malaysia di sini, semalam. Sebagai rekod, empangan Timah Tasoh mempunyai keluasan 20 kilometer persegi dan dapat menampung kapasiti takungan sebanyak 40 juta meter padu dengan kedalaman aras normal pada paras 27.10 meter.

Pada ketika ini hanya bekalan air untuk kegunaan domestik sahaja yang dapat dibekalkan daripada empangan Timah Tasoh. Pihak berkuasa tempatan mengemukakan pengiraan untuk memberi gambaran tentang keadaan ini.

Jawatankuasa khas bantu 10,000 pesawah terjejas

BAGAN SERAI: Satu jawatankuasa khas akan dibentuk bagi membantu hampir 10,000 pesawah di seluruh negara yang terjejas akibat kemarau. Jawatankuasa khas ini akan diketuai oleh Menteri Pertanian, Kewilayatan Perlis, Datuk Mohd Fauz Omar berikutan, berdasarkan laporan Jabatan Teknikal Pertanian, sehingga Mei lalu seluas 17,273.87 hektar sawah terjejas akibat kekurangan air.

"Selain itu berdasarkan laporan yang diterima kita di maklumkan kawasan sawah padi yang terjejas akibat kekurangan air di seluruh negeri Kelantan dan Terengganu melibatkan sebanyak 8,788 pesawah.

Maklumi di Kelantan seluas 4,899 hektar sawah terjejas akibat kekurangan air. Pihak berkuasa tempatan akan membantu pesawah yang terjejas dengan menyediakan bekalan air melalui sistem irigasi yang ada. Selain itu, pihak berkuasa tempatan akan membantu pesawah dengan menyediakan bekalan air melalui sistem irigasi yang ada. Selain itu, pihak berkuasa tempatan akan membantu pesawah dengan menyediakan bekalan air melalui sistem irigasi yang ada.

Kelantan hilang 94,250 tan metrik hasil padi




KEADAMAN sawah padi yang terjebas dan tidak dapat digunakan akibat masalah bekalan air di Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

KOTA BHARU: Sejumlah 94,250 tan metrik hasil padi tidak dapat dihasilkan oleh petani di Kelantan kerana kekurangan air akibat kemarau. Pihak berkuasa tempatan akan membantu pesawah yang terjejas dengan menyediakan bekalan air melalui sistem irigasi yang ada.

Menurutnya, situasi ini menyebabkan pesawah terpaksa berhenti buat sementara waktu dan adalahan kawasan mereka terjejas akibat kekurangan air. Pihak berkuasa tempatan akan membantu pesawah yang terjejas dengan menyediakan bekalan air melalui sistem irigasi yang ada.

Kemajuan Pertanian Kembara (KPK) akan membantu pesawah yang terjejas dengan menyediakan bekalan air melalui sistem irigasi yang ada. Selain itu, pihak berkuasa tempatan akan membantu pesawah dengan menyediakan bekalan air melalui sistem irigasi yang ada. Selain itu, pihak berkuasa tempatan akan membantu pesawah dengan menyediakan bekalan air melalui sistem irigasi yang ada.



Kering

KEADAAN Tasik Pedu di Padang Terap. Kedah semalam yang semakin kering akibat cuaca panas dan kemarau. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Cuaca panas: Sara diri beras turun kepada 50%

Oleh FITRI NIZAM dan MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Tahap Sara Diri (SSL) pengeluaran beras tahun ini dijangka menurun kepada 50 peratus susulan cuaca panas dan kemarau yang mengakibatkan kira-kira 130,000 hektar sawah di seluruh negara terjejas.

Jumlah itu menurun 10 peratus berbanding sasaran SSL, tahuan beras iaitu 60 peratus bagi kurangkan kebergantungan negara kepada beras import.

Penurunan itu dijangka kerana beberapa kawasan penanaman padi di Perak, Perlis, Kedah, Melaka dan Kelantan tidak mendapat pengairan secukupnya bagi membantu pertumbuhan padi yang rata-rata kini sudah berusia 50 ke 60 hari.

Bersambung di muka 3

Cuaca panas: Sara diri beras turun kepada 50%

Dari muka 1

Di Perlis, situasi bertambah buruk apabila empangan Timah Tasoh yang berfungsi sebagai takungan bekalan air untuk pengairan domestik dan pertanian terpaksa membentulkan bekalan untuk sumber pertanian selepas paras air menyusut sehingga paras 26.85 meter. Bekalan air untuk tujuan pertanian tidak dapat dibekalkan sehinggalah paras empangan kembali berada pada paras melebihi 27.10

Turut terjejas ialah Tasik Bukit Merah yang tidak dapat membekalkan air untuk penanaman padi di Kawasan Kerian, Perak disebabkan ia kering sejak Jun lalu. Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar memberitahu, kawasan sawah padi yang terlibat akibat kemarau ialah di Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu melibatkan seramai 8,788 pesawah. Sementara itu, Exco Tugas Khas Pertubuhan Persewahan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, setakat hari ini, ka-

wasan paling kritikal yang terjejas akibat cuaca panas adalah kira-kira 5,000 hektar bendang di Kerian, Bagan Serai, Selinsing dan Semanggol di Perak yang dilaporkan sudah kering kontang.

Katanya, turut mengalami masalah sama sebahagian kawasan di wilayah satu dan dua Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) membabitkan daerah Kubang Pasu di Kedah dan Megat Dewa serta sawah padi di luar pentadbiran MADA iaitu di Kuala Nerang.

"Wilayah satu dan dua MADA merangkumi kira-kira 50,000 ke 60,000 hektar sawah padi yang bergantung kepada pengairan dari Empangan Muda, namun disebabkan cuaca panas air di empangan tersebut mengalami kemerosotan sehingga menjejaskan pengairan ke kawasan pertanian di Kedah.

"Situasi membimbangkan juga dilaporkan sedang berlaku membabitkan kira-kira 30,000 hektar sawah padi di luar kawasan MADA yang pengairannya bergantung 100 peratus kepada hujan," katanya kepada

Utusan Malaysia.

Kawasan pertanian padi di MADA merangkumi keluasan 100,000 hektar yang terbahagi kepada empat wilayah manakala kawasan luar pentadbiran MADA merangkumi 30,000 hektar sekali gus membantu Kedah menyumbang kepada 43 peratus pengeluaran beras negara.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, keadaan sama turut dilaporkan berlaku membabitkan 37,000 hektar sawah padi di bawah pentadbiran Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kelantan apabila pam air di Kemubu tidak dapat menyalurkan bekalan pengairan secukupnya kepada tanaman padi di kawasan tersebut akibat cuaca panas.

Katanya, situasi itu turut menjejaskan tanaman padi luar jelapang di Melaka membabitkan kawasan di Klebang dan Bukit Rambai.

"Pengeluaran beras akan terjejas kerana pada usia padi 50 ke 60 hari, ia memerlukan pengairan air secukupnya untuk diserap bagi melalui proses pembentukan butir beras.

"Sekiranya air diterima tidak mencukupi ia akan menjejaskan proses pembentukan itu sekali gua mengakibatkan butir beras bagi setiap pokok padi berkurangan," katanya.

Oleh demikian, Abdul Rashid berkata, beliau menjangka pengeluaran beras SSL negara tahun ini akan menurun kepada 50 peratus berbanding 60 peratus sebelumnya disebabkan proses pembentukan makanan ruji itu terganggu akibat cuaca panas yang melanda ketika ini.

"Bagi mencapai 60 peratus SSL, setiap satu hektar sawah perlu menghasilkan sekurang-kurangnya tujuh tan metrik beras namun akibat cuaca panas ketika ini, satu hektar hanya mampu menghasilkan tiga ke empat tan metrik tan sahaja," katanya.

Sementara itu, di Perlis, kira-kira 1,221 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan seluas 2,558.56 hektar di negeri ini berisiko menanggung kerugian mencecah RM9.8 juta berikutan masalah kekurangan bekalan air ekoran cuaca panas dan kemarau ketika ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Cuaca panas sukarkan musim baharu tanam padi

Alor Setar: Fenomena cuaca panas dan ketiadaan hujan mungkin menyebabkan petani sukar memulakan musim tanaman baharu padi yang dijadual antara Oktober hingga November.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Mada, Che Ani Mat Zain, berkata ketika ini kesan kemarau belum dapat dilihat sepenuhnya berikutan musim tanaman pertama tamat antara Ogos hingga September ini.

Jelasnya, umur padi sekarang antara 60 ke 70 hari dan bekalan air mencukupi bagi menampung keperluan sawah sehingga padi mencapai tahap matang antara 100 ke 120 hari, sebelum mula musim menuai.

"Musim kemarau di Kedah dan Perlis perkara biasa bermula Disember hingga April. Namun, air di empangan tidak surut banyak dan kegiatan menanam padi masih boleh dilakukan seperti biasa setiap musim.

"Cuma kita bimbang jika tidak hujan sehingga

September kerana sistem saliran sawah di Kedah dan Perlis bergantung sepenuhnya kepada Empangan Muda dan Pedu yang dilaporkan kritikal, ketika ini.

"Kita juga dapat maklumat pesawah di Perak, Pahang dan Kelantan turut mengalami masalah sama akibat cuaca terlalu panas. Jika keadaan ini berterusan, kita bimbang pengeluaran padi musim hadapan mungkin terjejas," katanya semalam.

Che Ani berkata, mengikut kebiasaan cuaca sejak beberapa tahun lalu, sepatutnya musim hujan bermula Julai dan berlarutan sehingga November bagi membolehkan bekalan air di empangan meningkat.

Katanya, keadaan itu agak berbeza tahun ini apabila hujan sangat ren-

dah sehingga ada sawah di Perlis tidak menerima hujan beberapa bulan lalu.

"Kita memang dapat laporan ada sawah di Perlis tidak dapat melakukan tanaman padi pada musim ini kerana bekalan air di empangan yang kurang, tetapi kawasan tidak terlalu besar.

Semalam, kadar tiga empangan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dilaporkan terus menyusut berikutan keadaan cuaca panas berterusan sejak beberapa bulan lalu.

Laman web MADA melaporkan, paras air di Empangan Muda menyusut kepada 8.04 peratus, manakala Empangan Pedu sebanyak 39.71 peratus dan Empangan Ahning 81.76 peratus dengan purata keseluruhan takungan air bagi ketiga-tiga empangan ialah 44.14 peratus.



Che Ani Mat Zain

1/8/2024

HARIAN

LOKAL

11

METRO

SUSULAN CUACA PANAS**29,241 hektar terkesan bahang di Perak**

Ipo: Beberapa daerah di Perak dikenal pasti terkesan akibat cuaca panas dan kering yang melanda negara sejak kebelakangan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam negeri Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, antara kawasan terkesan adalah jelapang padi di daerah Kerian, Perak Tengah dan Hilir Perak membabitkan keluasan sekitar 29,241 hektar selain penunran ketara terhadap paras air kolam di Taman Tasik Taiping.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri bertindak menghantar dan mengoperasi pam bergerak di kawasan terkesan dengan masalah bekalan.

"Selain itu, hebahan awal dibuat kepada semua pihak

sekitar kawasan berkenaan.

Paras air Empangan Bukit Merah kini menyusut ke paras 6.05 meter semalam dengan status Aras Henti Bekalan Pengairan, manakala air di Sungai Perak menunjukkan penurunan ketara dengan purata 1.2 meter daripada aras normal.

"Stesen pam milik JPS yang membekalkan air ke pada tanaman padi turut terkesan. Status pengopera-



**"JPS negeri
bertindak hantar
pam bergerak di
kawasan terkesan
masalah bekalan
Mohammad Nizar"**

Kadar tiga empangan seliaan Mada susut

Sik: Kadar tiga empangan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) terus menyusut berikutan keadaan cuaca panas berterusan sejak beberapa bulan lalu.

Mengikut rekod di laman web Mada semalam, paras air di Empangan Muda terus menyusut dan tinggal 8.04 peratus manakala Empangan Pedu

39.71 peratus dan Empangan Ahning 81.76 peratus dengan purata keseluruhan takungan air bagi ketiga-tiga empangan adalah 44.14 peratus.

Menurut nelayan tasik, Awang Salleh, 59, berkata operasi pembenihan awan (OPA) dilakukan sejak kelmarin sudah mendapatkan hasil apabila hujan petang kelmarin.

Paras air Sungai Ketil terkini 0.3 meter

Baling: Fenomena musim kemarau yang teralalu panjang ketika ini menyebabkan air

Sungai Ketil di sini, semakin cetek sehingga menampakkan dasarnya.

Tinjauan mendapati paras air Sungai

Ketil turun sehingga paras 0.3 meter berbanding biasanya tujuh meter.

Seorang penduduk, Mohd Nordin Ishak, 43, dari Kampung Sungai Batu dekat sini berkata, air Sungai Ketil semakin cetek berikutan tempoh musim panas yang panjang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

Operasi pembenihan awan bantu tingkatkan takungan empangan

ALOR SETAR - Operasi pembenihan awan (OPA) tiga hari bermula Isnin hingga Rabu berjaya meningkatkan paras air di Empangan Muda.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh berkata, Stesen Hujan di Empangan Muda merekodkan bacaan dua milimeter (mm) turunan hujan dalam kawasan tadahan empangan hasil OPA pada Selasa.

Menurutnya, terdapat peningkatan isi padu aliran kemasukan air ke Empangan Muda sebanyak 1,037 ekar kaki berbanding purata harian iaitu 416 ekar kaki sebelum pelaksanaan OPA.

"MADA masih nilai keberkesanan dan kejayaan OPA memandangkan masih diteruskan pada hari ini (Rabu)," katanya di sini pada Rabu.

Ismail memaklumkan, setakat Rabu, status keseluruhan kedudukan semasa takungan air di tiga empangan seliaan MADA adalah sebanyak 539,786 ekar kaki bersamaan 44.14 peratus.

"Ia merangkumi kapasiti takungan Empangan Pedu sebanyak 347,420 ekar kaki bersamaan 39.71 peratus, Empangan Muda (10,050 ekar kaki) bersamaan 8.04 peratus dan Empangan Ahning sebanyak 182,316 ekar kaki atau 81.76 peratus," ujarnya.

Dalam pada itu, Ismail berkata, penanaman padi di kawasan MADA tidak terjejas biarpun takungan empangan mengalami penyusutan ekoran cuaca panas.

"Tiada kawasan padi terpaksa hentikan proses tanaman mahupun aktiviti berkaitan setakat ini. Aktiviti menanam sudah capai 99.3 peratus iaitu seluas 99,963.9 hektar setakat Rabu dan bekalan air untuk musim penanaman mencukupi," jelasnya.

Sementara itu di **NEGERI SEMBILAN**, paras air di kesemua tujuh empangan di negeri itu berada di tahap normal walaupun terdapat sedikit penyusutan sebelum ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kesemua empangan ini tidak berdepan masalah penyusutan air ketara seperti yang dialami di beberapa buah negeri di bahagian utara.

LPP saran bentuk jawatankuasa khas bantu pesawah

BAGAN SERAI - Kerajaan perlu membentuk satu jawatankuasa khas bagi menyelesaikan masalah pesawah padi yang berdepan situasi kritikal akibat banjir dan kemarau, kata Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar.

Beliau berkata, jawatankuasa itu dianggotai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) seperti Jabatan Pertanian, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Menurutnya, sejak September tahun lalu, dianggarkan hampir 10,000 pesawah di Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu mengalami kemusnahan dan kerosakan tanaman padi disebabkan banjir dan kemarau melibatkan keluasan lebih 17,000 hektar.

"Sebarang laporan dan dapatan

yang dibuat melalui jawatankuasa khas ini boleh dibawa kepada KPKM untuk diambil langkah sewajarnya.

"Kita kena lihat jangka masa panjang kerana perubahan iklim tidak mementu, contohnya masalah pemanasan iklim global sekarang dijangka berterusan sehingga 2030," katanya pada program Tanggungjawab Sosial Korporat 2024, Jom Pakat Pi Bendang di Parit Haji Ali Alor Pongsu di sini pada Rabu.

Dilaporkan, seluas 4,890 hektar sawah di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian terjejas susulan penyusutan paras air di Empangan Bukit Merah akibat cuaca panas sejak Mei lalu.

Paras air yang mula menyusut



MAHFUZ

menyebabkan bekalan untuk tujuan pengairan sawah di kawasan Kuala Kurau, Jalan Siakap, Alor Pongsu, Bagan Serai, Masjid Tinggi, Parit Gabis, Telok Medan, Semanggol dan Selinsing melibatkan 2,162 pesawah dihentikan bermula 28 Jun lalu.

Mahfuz berkata, situasi semasa itu telah dimaklumkan kepada kementerian agar bantuan sewajarnya dapat diberikan kepada pesawah terlibat.

"Kita bersimpati dengan nasib pesawah-pesawah ini yang berdepan dengan pelbagai masalah di sini.

"Kalau musim lalu masalah tikus, musim ini masalah air pula dan isu air tidak cukup ini tidak dapat menjamin kecukupan makanan dalam negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2024	SINAR HARIAN	KUANTAN	26

Pahang pantau aktiviti pertanian tauke warga asing

KUANTAN

Kerajaan Pahang mengambil maklum dan menjunjung titah Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah menzahirkan kebimbangan terhadap pihak yang sanggup mengadaikan integriti dan membiarkan tanah di negeri ini 'dijajah' pendatang asing secara terang-terangan.

Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri, Sim Chon Siang berkata, pihaknya akan mengambil perhatian sewajarnya berhubung perkara itu termasuk memantau aktiviti pertanian diusahakan tauke warga asing di Cameron Highlands.

Menurutnya, Jabatan Tenaga Kerja akan diminta untuk turun padang melakukan siasatan bagi mengenal



CHON SIANG

pasti kemungkinan terdapat warga asing menyalahgunakan permit kerja yang dikeluarkan.

"Pada masa sama, agensi lain yang terlibat termasuk Jabatan Imigresen Malaysia juga diminta untuk melakukan pemeriksaan bagi mengesan pendatang asing tanpa izin yang berselindung di sebalik aktiviti pertanian di kawasan tanah tinggi itu," katanya melalui jawapan ringkas ketika dihubungi di sini pada Rabu.

Al-Sultan Abdullah sebelum ini bertitah menzahirkan kebimbangan apabila tanah di Pahang mula 'dijajah' oleh pendatang asing secara terang-terangan disebabkan kurang nilai integriti pihak tidak bertanggungjawab hanya demi mengikut nafsu dan mementingkan wang ringgit.

1/8/2024

HARAKAH

TIMUR

H17

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

BESUT: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor pertanian di Terengganu mencatat peningkatan sebanyak 7.4 peratus dengan nilai tambah mencapai RM2.9 bilion berbanding sektor lain.

Menteri Besar, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, kejayaan itu hasil keberkesanan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023.

Katanya, kerajaan negeri sentiasa komited memperkasakan sektor pertanian, penernakan dan perikanan.

"Tahniah kepada anggotanya Exco yang sering turun padang. Begitu juga UPEN Jabatan Pertanian, Perikanan, Veterinar, LKIM, IADA Ketara, MARDI, FAMA, LPP dan lain-lain jabatan.

"Tidak lupa juga ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua petani, penternak dan nelayan Terengganu," katanya ketika merasmikan Hari Peladang, Penternak, dan Nelayan Terengganu dan Himpunan Lembu

KDNK sektor pertanian meningkat 7.4 peratus

Sado Pantai Timur Tahun 2024 di Dataran Jabi baru-baru ini.

Menurutnya juga pelbagai program diperkenalkan untuk meningkatkan produktiviti, kualiti serta daya saing hasil pertanian dan perikanan.

Menteri Besar turut mengingatkan semua pihak bersepadang menghadapi perubahan iklim yang melanda peringkat global sekarang.

"Perancangan lima tahun perlu mengambil kira faktor perubahan iklim seperti El Nino, La Nina serta Monsun Timur Laut.

"Selain itu pembangunan maksimum tanah-tanah pertanian harus diberi keutamaan termasuk tanah-tanah pertanian," katanya.



Dr Ahmad Samsuri Mokhtar melawat pameran lembu sado.

1/8/2024

KOSMO

NEGARA

15

Jejaskan aktiviti nelayan sungai, bot penambang

Sungai Tembeling cetek angkara kemarau

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT – Petanda awal bermulanya musim kemarau di kawasan Ulu Tembeling di sini, menyaksikan air Sungai Tembeling mula beransur surut apabila sebahagian kawasan mulai cetek sehingga nampak beting pasir.

Fenomena yang mula berlaku sejak minggu lalu itu boleh dilihat di Kampung Bantal yang sekali gus menjejaskan rutin harian penduduk terutamanya bagi nelayan sungai dan penduduk yang menggunakan bot penambang.

Kawasan sungai tersebut yang mula menampakkan beting pasir sepanjang 50 hingga 80 meter sehingga menyukarkan laluan bot penambang dan aktiviti penangkapan ikan sungai.

Penduduk Kampung Bantal, Jamizan Rashid, 46, berkata, kelazimannya mulai bulan Jun

hingga September setiap tahun paras air Sungai Tembeling mula cetek kerana tiada hujan di kawasan ulu sungai.

"Keadaan air cetek menyebabkan timbul pasir di kebanyakan tempat di sungai ini dan membentuk beting pasir berdekatan tebing dan pulau di tengah sungai," ujarnya.

Tambahnya, keadaan itu mengganggu pergerakan bot penambang menunggang penumpang dan hasil kampung serta bot gentian kaca yang digunakan oleh nelayan sungai cari rezeki.


"Cuaca panas juga menyebabkan air Sungai Tembeling semakin cepat cetek dan memberi kesan kepada aktiviti harian penduduk di pesisir sungai iaitu Kampung Pagi, Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal, Kampung Bantal Seberang, Kampung Gusai dan Kampung Mat Daling untuk

ke tempat kerja dan urusan lain," katanya di Kampung Bantal, Ulu Tembeling di sini semalam.

Dalam pada itu pengusaha ternakan ikan sangkar, Mohd. Zaimi Ali, 60, berkata, sekiranya kemarau berterusan, keadaan Sungai Tembeling akan nampak keseluruhan pasir, bermula di tengah sungai hingga ke tebing yang boleh menjejaskan ternakan ikan sangkar.

"Saya dan rakan pengusaha mula memindahkan sangkar ke kawasan yang masih berair di Sungai Tembeling bagi memastikan ternakan ikan patin dan tilapia terus hidup.

"Cabaran penternak ikan sangkar di Ulu Tembeling bukan sahaja musim kemarau, malahan ketika musim tengkujuh pun perlu mengawasi sangkar ternakan supaya tidak dihanyutkan banjir," jelas Mohd. Zaimi



KEADAAN beting pasir mula kelihatan berikutan air surut kerana cuaca panas di Sungai Tembeling, Jerantut.

1/8/2024

KOSMO

NEGARA

16

Tanam sayur, buah-buahan di kawasan terbiar sekolah

GUA MUSANG – Warga Sekolah Kebangsaan (SK) Lapan Jaya di Kampung Lapan Jaya di sini, memanfaatkan tanah terbiar dengan menanam sayur-sayuran dan pokok buah-buahan di sekitar kawasan sekolah.

Projek Agro School itu dilakukan oleh murid-murid, guru bersama ibu bapa sejak tiga tahun lalu dengan menanam lebih 2,000 pokok tanaman jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Pengurus Agro School SK Lapan Jaya, Ahmad Fakhruddin Che Daud, 31, berkata, terdapat 10 kompartmen tanaman di tanah seluas lebih 1.6 hektar di sekitar kawasan sekolah.

Katanya, sekolah itu pada asalnya penuh dengan tanah semak samun sehingga mereka membersihkan sebelum mengusahakan tanaman termasuk sayur-sayuran seperti bendi, terung dan timun batang.

"Kami menggunakan konsep aquaponik kerana mempunyai dua tempat tadahan air yang telah ditandak.

"Kita mengambil air dari anak sungai dan bukit seterusnya bekalan itu dipam ke seluruh tanaman yang berada di SK Lapan Jaya. Kami meletakkan beberapa jenis ikan antaranya lampan, puyu, keli dan tilapia di dalam sistem takungan," katanya.



MOHD. RASDI (belakang, kiri) bersama guru dan murid menunjukkan tanaman terung yang diusahakan di SK Lapan Jaya di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang – AIMUNITUAN LAH

Sementara itu, Guru Besar SK Lapan Jaya, Mohd. Rasdi Mohd.

Nor berkata, seramai 205 murid menerima manfaat daripada program Agro School yang dilaksanakan oleh sekolah itu.

Katanya, pihak sekolah berbangga apabila SK Lapan Jaya berjaya merangkul Johan Agro School Peringkat Kebangsaan pada tahun lalu.

"Alhamdulillah, hasil pertanian di sekolah dapat meringankan beban ibu bapa yang terdiri dari-

pada 90 peratus golongan B40.

"Kita telah memberi kasut dan beg sekolah percuma dengan nilai RM100 setiap murid pada tahun lalu. Program sama diteruskan pada tahun ini dengan memberi buku tulis, peralatan, pakaian sekolah dengan peruntukan lebih RM25,000," katanya.

Tambah Mohd. Rasdi, pihaknya berharap sumbangan sekolah itu dapat membantu ibu bapa serta menarik kehadiran anak ke sekolah setiap hari.